

16 MAY 2001

Mahathir-Guru

GURU BERPERANAN PERJELASKAN KEKELIRUAN YANG TIMBUL

MELAKA, 16 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata golongan pendidik berperanan untuk memperjelaskan sebarang kekeliruan yang timbul terutamanya yang berkaitan dengan nilai-nilai yang perlu diamalkan dan sebaliknya.

"Hari ini pendapat disebar bahawa kita tidak perlu terhutang budi dan tidak perlu berterima kasih pun. Apa yang kita terima memang pun hak kita. Memadailah jika kita bersyukur (iaitu berterima kasih) kepada Allah s.w.t.

"Kita tidak perlu berterima kasih kepada mereka yang menyampaikan sesuatu kepada kita. Sudah tentu kita tidak perlu mengenang budi. Pendapat ini menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat, termasuklah di kalangan guru dan bakal guru," kata Perdana Menteri ketika berucap melancarkan sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan di Dewan Negeri di sini, malam ini.

Dr Mahathir berkata dalam kekeliruan yang terdapat sekarang, guru sebagai pendidik yang terlatih boleh menjelaskan nilai mana yang patut diamalkan supaya masyarakat yang bahagia dapat diwujudkan.

"Demikian jugalah dengan nilai-nilai yang boleh membentuk peribadi yang mulia di kalangan generasi yang akan datang, dengan peribadi yang mulia seperti ini maka ilmu yang dipelajari dapat digunakan dengan baik oleh generasi yang menyusul," katanya.

Bertepatan dengan tema Hari Guru tahun ini iaitu "Memartabatkan Profesyen Keguruan Tanggungjawab Bersama", Perdana Menteri berkata masyarakat hendaklah memberi kepercayaan kepada guru terutama dalam usaha membentuk peribadi yang mulia di kalangan murid.

Beliau berkata sekarang sudah mula timbul perkara yang kurang menyenangkan di sekolah dan institusi pendidikan kerana pengaruh negatif telah meresap dalam sesetengah guru.

Menurutnya guru berkenaan membelakangkan agenda negara kerana terpengaruh dengan agenda lain dan dipengaruhi dengan dakwaan bahawa kerajaan yang memerintah tidak sempurna perjalanannya dan bagi guru beragama Islam pula mendakwa kerajaan tidak Islam.

"Dalam sistem pentadbiran demokratik berparlimen jentera kerajaan perlu bersikap profesional. Jika jentera kerajaan tidak bersikap profesional maka semua kerajaan akan gagal dan negara tidak akan ditadbir dengan sempurna," katanya.

Beliau berkata jentera kerajaan perlu menyokong dan melaksanakan dasar kerajaan semasa, walaupun kerajaan dan dasar-dasar kerajaan bertukar, pentadbir dan guru dapat menyumbang dengan baik kepada pentadbiran negara.

Dr Mahathir berkata pendapat bahawa kerajaan tidak Islam dan tidak mengutamakan ajaran Islam adalah fitnah yang harus ditolak oleh semua pihak kerana ia tidak benar.

"Sebaliknya mereka yang menolak dunia sehingga orang Islam tidak dapat hidup sempurna, bahkan tidak dapat beribadat, mereka sebenarnya mengkhianati Islam dan umat Islam. Islam mewajibkan kita mengimbangi antara dunia dan akhirat," katanya.

Katanya, perkara itu perlu diberi perhatian oleh guru-guru supaya sumbangan mereka dalam pembangunan rakyat menjadi lebih berkesan dan positif.

Beliau turut menyentuh mengenai kebolehan guru-guru untuk menyemai keupayaan berfikir dan menilai dengan baik di kalangan murid yang bakal menjadi warga negara dan pemimpin di masa depan.

Perdana Menteri berkata guru juga berperanan menjadi penggerak

masyarakat ke arah peningkatan budaya membaca di samping menanam sikap dan budaya yang membina di kalangan masyarakat yang berbilang kaum di negara ini.

Dalam ucapannya, beliau turut menyentuh mengenai keperluan tenaga jenis baru iaitu pekerja berpengetahuan, dan peluang yang diberikan kerajaan kepada golongan guru untuk meningkatkan ilmu pengetahuan di peringkat yang lebih tinggi dan konsep 'Functional Intellectual Community'.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyampaikan Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan 2001 kepada lima orang bekas guru iaitu Mohamed Saat Bongkek dari Johor, Abang Hamdan Abang Jas dari Sarawak, Hajah Siti Aishah Ab. Rahman dari Kelantan, Sulaiman Samad dari Negeri Sembilan dan Robert David dari Pulau Pinang.

-- BERNAMA

SBS RI